

# VALFIX FILM COATED TABLET 100 MG

Lamivudine (100mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan VALFIX F.C. TABLET.
2. Bagaimana VALFIX F.C. TABLET berfungsi.
3. Sebelum mengambil VALFIX F.C. TABLET.
4. Cara menggunakan VALFIX F.C. TABLET.
5. Semasa menggunakan VALFIX F.C. TABLET.
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan VALFIX F.C. TABLET.
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini

**Apakah kegunaan VALFIX F.C. TABLET**  
Rawatan pesakit  $\geq 16$  tahun yang menjangkiti hepatitis B kronik dan terbukti virus hepatitis B (HBV) replikasi.

## Bagaimana VALFIX F.C. TABLET berfungsi

VALFIX F.C. TABLET adalah ubat antivirus yang menahan virus hepatitis B dan ubat ini tergolong dalam kumpulan perencat transkriptase analog nukleosida berbalik (NRTIs).

## Sebelum Mengambil VALFIX F.C. TABLET

### Bila tidak boleh mengambil

Apabila anda alah kepada VALFIX F.C. TABLET atau mana-mana bahan yang disenaraikan di akhir risalah ini. Sila mendapatkan nasihat daripada doktor anda sebelum mengguna.

### Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda jika anda alah kepada mana-mana ubat-ubatan lain atau mempunyai apa-apa keadaan perubatan lain.

### Penyakit Buah Pinggang:

Bincangkan penggunaan VALFIX F.C. TABLET dengan doktor atau pembekal penjagaan kesihatan anda jika anda mempunyai penyakit buah pinggang.

### Penyakit Hati / Transplant Hati:

Sila beritahu dengan doktor atau penjaga kesihatan anda jika anda mempunyai sejarah penyakit hati.

Dalam kes di mana rawatan dengan VALFIX F.C. TABLET dihentikan atas sebarang sebab, pesakit perlu menjalankan pemeriksaan fungsi hati secara berkala.

### Jika mengambil ubat-ubatan lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Sesetengah ubatan yang jika diambil bersama VALFIX F.C. TABLET akan berlaku tindak balas sesama sendiri. Ini termasuk:

- Zalcitabine and Emtricitabine, ubat untuk merawat jangkitan HIV.
- Ubat lain yang mengandungi *lamivudine*.

## Cara menggunakan VALFIX F.C. TABLET

### Berapa banyak harus diambil

100mg sekali sehari boleh diambil dengan atau tanpa makanan. Sila mengambil ubat ini dengan mengikut arahan doktor.

### Bila perlu diambil

VALFIX F.C. TABLET perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### Berapa lama perlu diambil

VALFIX F.C. TABLET perlu diambil mengikut preskripsi doktor anda.

### Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa satu dos VALFIX F.C. TABLET dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah beberapa jam selepas masa makan ubat berlalu ataupun sudah mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pengambilan VALFIX F.C. TABLET tidak menyebabkan masalah serius. Walau bagaimanapun, anda perlu mendapatkan perhatian doktor jika terambil berlebihan.

## Semasa menggunakan VALFIX F.C. TABLET

### Perkara yang perlu dilakukan

Ikut preskripsi doktor anda semasa mengambil ubat ini.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada sesiapa walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

Berwaspada menggunakan VALFIX F.C. TABLET bagi pesakit dengan masalah buah pinggang. Sila mematuhi ketat arahan doktor. Jika anda berasa tidak selesa sila hubungi doktor anda.

## Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan yang biasa adalah seperti berikut:

- keletihan
- sakit kepala
- ketidakselesaan perut
- sakit perut
- jangkitan paru-paru
- rasa sakit (loya)
- sakit (muntah)
- cirit-birit
- Sakit otot dan rasa tidak selesa
- sakit sendi

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel.: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumer*→*Reporting*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan

### Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan keadaan lembap.

### Pelupusan

VALFIX F. C. TABLET perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Ubat ini tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau buangan isi rumah. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

**Maklumat lanjut**

Rupa dan warna produk

Tablet yang berbentuk elips yang berwarna perang dengan perkataan “BM”.



**Bahan-bahan kandungan**

Bahan aktif:-

*Lamivudine*

Bahan tidak aktif:-

*Microcrystalline Cellulose*

*Sodium Starch Glycolate*

*Magnesium Stearate*

*Colloidal Silicon Dioxide*

*Hydroxyl Methylcellulose*

*Polyethylene Glycol*

*Titanium Dioxide*

*Iron Oxide Yellow*

*Iron Oxide Red*

Nombor MAL

MAL

**Pengilang**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor D.E., Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor D.E., Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

07/11/2016